



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENILAIAN  
PRESTASI**  
**KOD KURSUS : DSM2173/DSM3153**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

- 1 Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)

Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam buku jawapan.

Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam buku jawapan


2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
- i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Penilaian prestasi merupakan fungsi utama dalam pengurusan sumber manusia. Terangkan maksud penilaian prestasi menurut Dessler. (2 markah)
- b. Jelaskan **empat (4)** kegunaan pelaksanaan penilaian prestasi. (8 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jangkakan bagaimanakah kekurangan kriteria dan kebolehpercayaan memberi kesan terhadap penetapan piawaian kerja? (4 markah)
- b. Mengapakah majikan lebih suka menggunakan kaedah hasil berbanding kaedah-kaedah yang lain dalam melaksanakan penilaian prestasi? (6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Kenal pasti **empat (4)** keburukan kaedah esei dalam penilaian prestasi pekerja. (4 markah)
- b. Bagaimanakah prestasi pekerja dinilai menggunakan kaedah peristiwa genting? Ulasakan jawapan anda. (6 markah)

**SOALAN 4**

a. Nyatakan **dua (2)** kepentingan temu duga penilaian prestasi.

(2 markah)

b. Jelaskan **empat (4)** temu duga penilaian prestasi yang berkesan.

(8 markah)

**SOALAN 5**

Apakah sebab-sebab yang mendorong anda untuk memilih temu duga beritahu dan dengar dalam pelaksanaan temu duga penilaian prestasi?

(10 markah)

**SOALAN 6**

a. Nyatakan mana-mana **lima (5)** persiapan yang perlu dilakukan oleh seseorang penilai.

(5 markah)

b. Bagaimanakah penilai membantu pekerja dalam meningkatkan prestasi mereka?

(5 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Terdapat beberapa aspek yang boleh anda nilai terhadap pekerja dalam melaksanakan penilaian prestasi. Jelaskan **lima (5)** aspek yang boleh dinilai dalam penilaian prestasi.

(10 markah)

- b. Proses penilaian prestasi membolehkan pengurus menilai prestasi pekerja dengan berkesan serta membolehkan mereka mengetahui tahap pencapaiannya. Kenapakah mengenal pasti matlamat penting dalam proses penilaian prestasi?

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Syarikat Feezah Sdn Bhd telah melaksanakan penilaian prestasi terhadap tujuh puluh orang kakitangannya pada minggu lepas. Didapati ramai yang tidak berpuas hati terhadap hasil penilaian. Siasatan mendapati bahawa ketidakpuasan hati ini adalah berpunca daripada sikap penilai yang terlalu pemurah dan tegas dalam memberikan skor. Kenapa anda menyatakan bahawa sikap pemurah atau terlalu tegas boleh mengakibatkan kesilapan dalam penilaian prestasi?

(10 markah)

- b. Segelintir kakitangan Syarikat Feezah Sdn Bhd enggan untuk menghadiri temu duga penilaian kerana mereka beranggapan bahawa penilai akan mengkritik prestasi mereka. Apakah yang perlu dilakukan oleh Syarikat Feezah untuk mewujudkan temu duga penilaian yang efektif?

(10 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**